

Penguatkuasaan Kes-Kes Kesalahan Berkaitan Akidah di Wilayah Persekutuan

BITARA

Volume 7, Issue 3, 2024: 13-28
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 22 April 2024
Accepted: 22 May 2024
Published: 16 June 2024

[Enforcement of 'Aqidah-Related Offences Cases in Federal Territories]

Nur Hazirah Zainal Abidin^{1*}, Zaini Nasohah¹ & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani¹

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: nhza198@gmail.com; zbn@ukm.edu.my; nikrahim@ukm.edu.my

*Corresponding Author: nhza198@gmail.com

Abstrak

Pelanggaran terhadap kesalahan berkaitan akidah sering didengari berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Penyebaran fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah seperti Islam liberal dan lain-lain telah menimbulkan keresahan pelbagai pihak. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan akidah yang berlaku serta menganalisis penguatkuasaan yang dilaksanakan dalam mengawal kesalahan tersebut di Wilayah Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi penelitian terhadap sumber primer, sekunder dan temu bual. Dapatan seterusnya dianalisis bagi merumuskan objektif kajian yang ditetapkan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kes kesalahan akidah yang berlaku di Wilayah Persekutuan yang menjadi rujukan di peringkat penguatkuasaan dan hanya kes-kes tertentu sahaja didapati sampai ke peringkat pendakwaan. Keadaan ini boleh menimbulkan persepsi kurang baik di kalangan masyarakat Islam terhadap kesungguhan Pihak Berkuasa Agama dalam mengurus hal berkaitan isu penguatkuasaan bagi kesalahan akidah yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Justeru beberapa langkah susulan wajar diambil.

Kata kunci: fatwa, kesalahan akidah, penguatkuasaan, Wilayah Persekutuan

Abstract

Violations related to 'aqidah offenses are often heard to occur among the Muslim community in Malaysia. The spread of contradiction that is contrary to the beliefs of members of the Sunnah wa al-Jama'ah such as liberal Islam and others has caused anxiety among various parties. Therefore, this study aims to identify the offences of 'aqidah that occurred and analyze the enforcement implemented in controlling these errors in the Federal Territory. This study uses a qualitative method approach through research on primary, secondary and interview sources. The results were analyzed to determine the objectives of the interview. The results of the study found that there were several cases of 'aqidah offenses that occurred in the Federal Territory which became a reference at the enforcement level and only certain cases were found to reach the prosecution level. This situation can lead to poor perception among the Muslim community on the seriousness of the religious authorities in managing matters related to enforcement issues for religious offenses that occur in the Federal Territory. There are some reasonable steps to be taken.

Keywords: fatwa, Creed, enforcement, Federal Territory

Nur Hazirah Zainal Abidin, Zaini Nasohah & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2024). Penguatkuasaan Kes-Kes Kesalahan Berkaitan Akidah di Wilayah Persekutuan [Enforcement of 'Aqidah-Related Offences Cases in Federal Territories]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 13-28.

Pengenalan

Pegangan akidah merupakan asas paling utama yang perlu ditanamkan dalam diri setiap umat Islam agar tidak menyekutukan Allah SWT.. Namun begitu, masih ramai lagi golongan tertentu di Malaysia yang terbabit dalam kes-kes kesalahan akidah. Mutakhir ini misalnya, negara Malaysia dikejutkan dengan isu penyebaran fahaman Islam liberal. Fenomena ini bertentangan dengan metode pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka membawa pemikiran yang menyimpang jauh dari ajaran Islam sebenar terutama dalam soal hukum hakam yang disepakati oleh ulama dan juga beberapa isu-isu akidah (Rahimin Bani, 2018).

Kesalahan akidah yang melibatkan ajaran sesat yang dinisbahkan kepada Islam adalah merupakan manifestasi yang bermula dengan gejala yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam melalui fahaman-fahaman mahupun amalan yang bertentangan dan menyeleweng dari syariat Islam sebenar. Artikel ini memfokuskan kepada kesalahan-kesalahan akidah yang berlaku di Wilayah Persekutuan serta penguatkuasaannya.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menjalankan siasatan berhubung isu bacaan doa dalam satu program yang diadakan dalam upacara keagamaan orang bukan Islam. Siasatan dilakukan bagi memastikan amalan tersebut tidak mengandungi unsur-unsur yang menyalahi pandangan hukum atau fatwa berkaitan yang sedang berkuatkuasa (Berita Harian, 2023). Kesalahan yang melibatkan akidah boleh dikenakan tindakan undang-undang dan hukuman mengikut Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Penyataan Masalah

Akidah merupakan tunjang utama dalam ajaran dan syariat Islam yang mana tanpa akidah yang kuat, pegangan seseorang umat Islam itu boleh saja akan terpesong daripada syariat sebenar. Keadaan ini merupakan satu cabaran besar kepada umat Islam. Maka sudah tentu ia merupakan petanda kepada kemusnahan sesuatu pegangan masyarakat malah syiar Islam itu sendiri. Oleh itu, keperluan undang-undang yang menyabitkan kesalahan akidah perlu diteliti dan disemak dalam menjaga keharmonian masyarakat Islam terutama sekali di Wilayah Persekutuan.

Kesalahan akidah di negara kita bukan sesuatu yang asing. Ia merupakan pegangan, fahaman atau ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sering disebut sebagai ajaran sesat. Tidak dinafikan, banyak sumber rujukan yang membahaskan berkenaan ajaran sesat di Malaysia seperti penyelewengan akidah, pengaruh ajaran sesat dan unsur khurafat dalam ajaran sesat. Selain itu, terdapat juga tulisan-tulisan yang memfokuskan kepada pemeliharaan kemurnian akidah dan pemerkasaan akidah.

Setelah meneliti fatwa-fatwa isu semasa yang telah dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia, terlalu banyak fatwa berkenaan akidah yang turut dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mahupun Jawatankuasa Fatwa Negeri. Dalam era globalisasi, media antara sumber penyebaran maklumat yang sangat mempengaruhi masyarakat dalam menghadapi kepesatan teknologi alat komunikasi dan saluran media sosial sehingga menyebabkan penyebaran dan pengembangan ajaran sesat ini mudah berlaku sama ada berbentuk ideologi, ilmu pengetahuan mahupun budaya (Nur Hafiza Syaquila Piara & Khazri Osman, 2022). Senario penyebaran

fahaman dalam media sosial juga turut memberi ancaman kepada akidah di Malaysia bagi memahami isu sebenar yang berlaku (Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah, 2020). Selain itu, tiada tauliah mengajar antara isu besar bagi mengekang penyebaran fahaman yang menyeleweng dari akidah Islam (Harian Metro, 2023). Walaupun penguatkuasaan kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah dianggap menyekat kebebasan individu untuk bersuara namun, penguatkuasaan di alam siber ini juga perlu diberi perhatian bagi memastikan ajaran agama Islam terus terpelihara. Perkara ini juga penting bagi memastikan umat Islam di Malaysia terus mengamalkan ajaran Islam yang berteraskan ajaran yang sebenar dan berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Nurulain Ibrahim & Siti Aisyah Samudin, 2022).

Prinsip asas akidah ialah meletakkan segala amalan yang tidak berkaitan dengan Islam adalah tertolak. Kepercayaan yang tidak bersumberkan al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qiyas merupakan satu perbuatan menyeleweng dari ajaran Islam. Hakikatnya, amalan kepercayaan berunsur sesat adalah jelas menggugat akidah umat Islam di negara ini yang menyebabkan seseorang individu mempunyai pegangan akidah yang terlalu lemah (Mohd Kamel Mat Salleh et al., 2021). Oleh yang demikian, penjagaan dan pemeliharaan akidah umat Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan perlu diberi perhatian dalam menjaga keamanan serta keharmonian terutama sekali dalam konteks penguatkuasaan. Adapun, terdapat kes-kes berkaitan kesalahan akidah yang tidak digubal sebagai undang-undang di Wilayah Persekutuan. Ini kerana, kebanyakan kes-kes yang sedia ada di negeri ini tidak sampai ke peringkat pendakwaan.

Kajian Literatur

Isu berkaitan kesalahan akidah bukan suatu isu yang asing dan ianya telah diulas oleh pelbagai pihak. Harian Metro (2023) dalam laporannya misalnya menyatakan bahawa antara tindakan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ialah menyentuh larangan fahaman bidaah dan khurafat dari disebar. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Nur Aisyah Asyikin Mohd Zurita (2022) pula dalam tulisannya memfokuskan kepada bentuk penyelewengan dari segi akidah dalam ajaran sesat yang wujud di Malaysia. Tulisan ini juga memberi penerangan mengenai kesan yang berlaku kepada masyarakat akibat penyelewengan akidah dan menyentuh mengenai kemunculan ajaran sesat tetapi tidak difokuskan kepada penguatkuasaan.

Menurut Nur Hafiza Syaqla Piara & Khazri Osman (2022), pengaruh ajaran sesat merupakan antara cabaran dakwah masa kini dan kemelut ini memerlukan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal ajaran yang bertentangan dalam Islam. Manakala karya Mohd Kamel Mat Salleh et al. (2021) pula lebih menjurus kepada unsur khurafat dalam beberapa ajaran sesat yang diwartakan di Malaysia. Penulisan beliau lebih menjurus kepada pandangan hukum dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan membabitkan ajaran sesat yang diwartakan pengharamannya. Manakala, Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah (2020) membahaskan tentang media sosial sebagai platform dalam penyebaran fahaman yang bertentangan dengan akidah dari perspektif undang-undang. Penulisan ini lebih kepada senario penyebaran ancaman akidah di Malaysia melalui media sosial dan peruntukan yang berkaitan dan tidak melibatkan penguatkuasaan. Begitu juga, Noor Raihan Jusudin & Zuliza

Mohd Kusrin (2018) turut membahaskan isu yang hampir sama iaitu penyebaran doktrin ajaran sesat yang tersebar dalam kalangan orang Islam melalui saluran media komunikasi sosial di alam siber dan tiada skop penguatkuasaan di dalam kajian tersebut.

Di Malaysia turut berlaku penganut Syiah yang mempunyai pegangan akidah tersendiri (Nur Alyani Farhana Ghazali, t.th.) sedangkan Kerajaan telah berpendirian dengan tegas bahawa akidah umat Islam ialah mengikut Ahli Sunnah Wal Jama'ah sebagai pegangan di Malaysia (Mohd Aizam, 2013). Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mohd Zaidi Daud (2022) pula memfokuskan kepada penguatkuasaan dan penyeragaman standard sughah fatwa di dalam memperkasakan akidah. Di dalam penulisan ini, beliau membincangkan cabaran di dalam pemerkasaan akidah dan langkah ke arah penetapan standard sughah fatwa dalam usaha membanteras ajaran sesat. Perbincangan seakan sama dapat dilihat dalam penulisan Zanariah Dimon (2020). Tulisan beliau mendiskusikan berkenaan penguatkuasaan, akan tetapi lebih kepada kesalahan berhubung fatwa yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah Syariah di Malaysia.

Sementara penulisan Alias Azhar dan Mohd Shauki Muhammad Baderuddin (2018) pula membincangkan mengenai prosedur istinbat dan pewartaan fatwa ajaran sesat. Penulisan ini menjurus kepada fatwa akidah dan ajaran sesat akan tetapi tidak memfokuskan kepada penguatkuasaan kesalahan akidah. Seterusnya, Mohd. Hisham Mohd. Kamal (2017) hanya membincangkan cabaran terhadap institusi Mufti dalam memelihara kemurnian akidah. Penulisan Ahmad Hidayat Buang (2018) turut membincangkan berkenaan cabaran pambanteras bagi fatwa ajaran sesat dari sudut undang-undang. Dalam tulisan Zubaidah Ismail (2010), beliau mendiskusikan mengenai senario semasa fenomena berkaitan ajaran sesat di negara ini dengan mengemukakan cadangan dan penyelesaian dari sudut undang-undang dan pentadbiran dalam menangani isu akidah di kalangan umat Islam.

Sharifah Ainyul Khairiyyah (t.thn.) dalam tulisannya pula menjelaskan bahawa telah wujud pewartaan fahaman Syiah yang telah menyeleweng dan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang merupakan satu ancaman kepada perpaduan umat dan keamanan negara. Tulisan tersebut mencadangkan perlunya fahaman Syiah ini disekat bagi membendung ajaran lain berkembang.

Melalui tinjauan yang dibuat, masih belum ada kajian berkaitan dengan penguatkuasaan kes kesalahan yang berkaitan akidah yang dijalankan di Wilayah Persekutuan khususnya kajian yang menelusuri penguatkuasaan kesalahan-kesalahan akidah dalam membendung ajaran yang bertentangan dengan Islam di negeri ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif, di mana bertujuan memberikan gambaran serta penerangan dalam data kajian (M Eddin Mortada, 2013). Antara dokumen yang telah dianalisis ialah statistik kes penguatkuasaan berkaitan kesalahan akidah. Penulis telah mengumpulkan data mengenai kes-kes kesalahan akidah yang bukan melibatkan fatwa sepanjang tempoh sebelas tahun bermula dari 2010 hingga 2021. Sebanyak sebelas kes kesalahan berkaitan akidah yang telah dibuat penguatkuasaan oleh Pihak Penguatkuasa Agama (PPA). Kaedah temu bual

juga telah digunakan untuk mendapatkan kepastian dan kesahihan tentang kes-kes kesalahan akidah serta penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan melalui maklumat yang dikumpul. Pegawai yang ditemu bual antaranya Encik Abu Zaki Abdul Jalal, Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan, Cawangan Siasatan, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Puan Maizatul Aliza Chee Din, merupakan Pendakwa Syari'e Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENS).

Analisis dan Penemuan

Berdasarkan rekod daripada Pihak Penguatkuasa Agama, tiada sebarang kes kesalahan akidah yang bergiat aktif di negeri ini pada tahun 2010 dan 2011. Walau bagaimanapun, terdapat satu kes kesalahan akidah pada tahun 2012 berkaitan penerbitan Irsyad Manji (2015). Kes ini berlaku pada 29 Mei 2021 selepas serbuan dilakukan. Perintah Larangan telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (perayu kedua) bagi melarang penerbitan dan penjualan buku-buku tersebut (Nur Hafilah Musa, 2015). Kes ini dipertuduhkan di bawah seksyen 13, Penerbitan Agama Yang Bertentangan Hukum Syarak Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Pihak Penguatkuasa JAWI telah membuat tindakan susulan untuk mengenal pasti terhadap kes-kes berhubung dengan kesalahan akidah sama ada ia melibatkan kes fatwa yang diwartakan atau pun kes yang melibatkan ajaran sesat.

Seterusnya, terdapat empat kes kesalahan akidah yang dikenal pasti dan diambil tindakan siasatan oleh bahagian penguatkuasa pada tahun 2013. Kesalahan tersebut ialah kes Hasbul Jalil (2016) yang dipertuduhkan atas kesalahan di bawah seksyen 6, dakwaan palsu Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Pada tahun yang sama, terdapat tiga lagi kes yang diambil tindakan melalui aduan orang awam yang diterima oleh pihak penguatkuasa. Kes pertama ialah kes Badi'ul Azmi Razli (Sybrene Mohd, 2022) yang dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 7, iaitu menghina atau menyebabkan di pandang hina, dll agama Islam Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Berikutnya adalah kes kedua yang melibatkan 'Bekas Ratu Cantik Malaysia' iaitu Sara Amelia Muhammad Bernard dan Wafa Johanne De Korte. Mereka telah membuat kenyataan pada tahun 2013 menzahirkan perasaan kecewa dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Fatwa, kini dikenali sebagai Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik yang dianggap menghina agama Islam (Malaysia Kini, 2013). Kes ini disiasat oleh PPA melalui aduan orang awam di bawah pertuduhan yang sama iaitu seksyen 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll agama Islam Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kes ketiga pula, melibatkan dua Orang Kena Tuduh (OKT) iaitu Norma Md Salleh dan Mohd Shawal Ibrahim, yang mana kesalahan tersebut berlaku di Yala, Thailand (Sybrene Mohd, 2022) dan disiasat oleh PPA di bawah pertuduhan yang sama iaitu seksyen 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll. agama Islam Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Pada tahun 2014 pula, terdapat dua kesalahan yang telah dibuat pendakwaan di Mahkamah Syariah. Pertama ialah kes Kassim Ahmad iaitu di bawah seksyen 4, Doktrin Palsu dan seksyen 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll. agama Islam Enakmen

Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Manakala kes yang kedua ialah pertuduhan di dalam kes Millah Ibrahim@Abraham kesalahan di bawah seksyen 4, Doktrin Palsu. PPA juga turut menerima aduan orang ramai di bawah kes yang melibatkan dua Orang Kena Tuduh (OKT) iaitu Mohd Hafiz Abdullah dan Norhayati Zulkifli (Sybrene Mohd, 2022) atas kesalahan di bawah seksyen 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll agama Islam Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Seterusnya pada tahun 2016 dan 2017, terdapat beberapa kes pendakwaan iaitu kes “Imam Mahdi” di bawah seksyen 6, Doktrin Palsu yang dibuat siasatan oleh PPA pada tahun 2016 melibatkan kes Hasbul Jalil (2016) dan Ismelda Harfianti Lubis (2016). Pada tahun 2017 pula, terdapat dua pertuduhan yang sama di bawah seksyen 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll agama Islam Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 iaitu kes Siti Kassim dan kes Dr. Mazlee Malik (Sybrene Mohd, 2022).

Hasil maklumat yang diterima daripada Pihak Penguatkuasa Agama, jumlah keseluruhan kes-kes kesalahan berkaitan akidah yang bukan melibatkan fatwa yang diambil tindakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) adalah sebanyak dua belas kes dalam tempoh sebelas tahun. Kebanyakan kes bukan fatwa tersebut adalah di bawah kesalahan akidah. Tidak banyak kes berlaku yang bukan melibatkan fatwa sampai ke peringkat pendakwaan di negeri ini. Jadual 2 di bawah menunjukkan ringkasan kes-kes kesalahan akidah bermula tahun 2010 sehingga tahun 2021:

Jadual 1: Kes-Kes Kesalahan Akidah Sepanjang Tempoh Sebelas Tahun Bermula 2010 Sehingga 2021 di Wilayah Persekutuan

Tahun	Nama Kes Kesalahan Akidah	Seksyen	Jenis Kesalahan
2010 - 2011	Tiada	Tiada	Tiada
2012	Irsyad Manji/JAWI & YL/ Berjaya Books Sdn. Bhd. & YL	Seksyen 13	Penerbitan Agama Yang Bertentangan Hukum Syarak
2013	<ul style="list-style-type: none"> • Hasbul Jalil • Badi’ul Azmi Razli • Sara Amelia Muhammad Bernard dan Wafa Johanne De Korte • Norma Md Salleh dan Mohd Shawal Ibrahim 	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 6 • Seksyen 7 • Seksyen 7 • Seksyen 7 	<ul style="list-style-type: none"> • Dakwaan Palsu • Menghina/Menyebabkan Dipandang Hina, dll Agama
2014	<ul style="list-style-type: none"> • Kassim Ahmad • Millah Ibrahim@Abraham • Mohd Hafiz Abdullah dan Norhayati Zulkifli 	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 4 dan 7 • Seksyen 4 • Seksyen 7 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktrin Palsu dan Menghina/Menyebabkan Dipandang Hina, dll Agama

2015	Tiada	Tiada	Tiada
2016	<ul style="list-style-type: none"> • Hasbul Jalil • Ismelda Harifianti Lubis 	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 6 • Seksyen 6 	<ul style="list-style-type: none"> • Dakwaan Palsu
2017	<ul style="list-style-type: none"> • Siti Kassim • Dr. Mazlee Malik 	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 7 • Seksyen 7 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktrin Palsu dan Menghina/Menyebabkan Dipandang Hina, dll Agama
2018 - 2021	Tiada	Tiada	Tiada

Kes-kes Kesalahan Akidah yang Telah Dikuatkuasakan

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) merupakan pegangan dominan umat Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia. Malaysia di antara negara-negara Islam yang telah menetapkan bahawa pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini adalah berdasarkan kepada akidah dan fatwa-fatwa Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ketentuan ini adalah berdasarkan keputusan dan pengamalan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa seluruh Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 menetapkan “Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak.” (MAIS, 2015). Penguatkuasaan bermaksud suatu tindakan yang dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa yang berbidang kuasa ke atas kesalahan yang dilakukan oleh seseorang mengikut peruntukan dan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang Islam bertulis yang berkuat kuasa termasuk yang terdapat dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri (Zaini Nasohah et al., 2022). Penguatkuasaan jenayah Syariah adalah berkaitan dengan konsep amar makruf nahi mungkar.

Pada hari ini, kekeliruan ideologi fahaman dan pegangan agama dalam kalangan umat Islam dapat dilihat semakin membimbangkan. Dengan kemunculan pelbagai kelompok agama yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah serta ideologi pemikiran yang ekstrem dan terlalu longgar menjadikan permasalahan akidah semakin meruncing (Mohd Farid Mohd Shahrin, 2016). Turut berlaku perdebatan yang berterusan dan berleluasa oleh kelompok Millah Abraham@Ibrahim dengan mencampuradukkan ajaran dalam al-Quran, Bible dan Taurat (Perjanjian Lama) yang dapat dilihat menerusi laman sosial Facebook oleh ahli fahaman ini. Ajaran aliran bagi kelompok ini telah difatwakan pengharaman oleh Muzakarah Fatwa Negeri antaranya Wilayah Persekutuan, Selangor dan beberapa negeri lain sebagai aliran fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam kerana cuba membawa ajaran Islam yang baharu kepada masyarakat Islam (Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin, 2018). Merujuk seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997:

“mana-mana orang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikai perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau mufti dianggap melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi

RM3,000 atau dipenjarakan maksimum dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.”

Begitu juga, di bawah seksyen 12 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 memperuntukkan:

“mana-mana orang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat mengenai ajaran Islam, hukum syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan fatwa sedang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan, adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda maksimum RM3,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.”

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan jawatan kader penasihat undang-undang di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi memperkasa bahagian penguatkuasaan undang-undang Syariah bagi agensi Penguatkuasa JAWI. Jawatan tersebut bertujuan memberikan nasihat perundangan yang sesuai dan segera bagi melancarkan tugas penguatkuasaan yang turut dibincangkan bersama pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bahagian Penguatkuasaan JAWI khususnya banyak melibatkan kes kontroversi dan memerlukan pandangan AGC. Ini kerana, sebelum ini JAWI tiada lagi penasihat undang-undang dan memerlukan penasihat undang-undang daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dengan wujudnya jawatan tersebut, sekiranya timbul sesuatu isu, kader penasihat undang-undang boleh terus memberi nasihat kepada Bahagian Penguatkuasaan, JAWI dan pihak JAWI boleh bertindak berdasarkan pandangan yang telah diberikan (Mohd Na'im Mokhtar, 2023).

Bagi memastikan akidah dan pemikiran umat Islam di negara ini terus terpelihara, maka beberapa peruntukan telah dikanunkan di dalam Akta dan Enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesalahan dalam kategori ini ialah kesalahan yang boleh menyebabkan kerosakan dan menggugat keimanan serta akidah umat Islam. Ianya berkaitan dengan penyebaran ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Ajaran sesat atau ajaran salah boleh diertikan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam (JAKIM, 2023). Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia berpendirian tegas bahawa hanya akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menjadi pegangan akidah masyarakat Islam di Malaysia (Siti Razmah Idris, 2016).

Peruntukan Undang-undang berkaitan Kesalahan Akidah di Wilayah Persekutuan

Berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 559], terdapat beberapa peruntukan berkaitan ajaran yang bertentangan dengan Islam:

Jenis Kesalahan	Seksyen Dan Tajuk	Peruntukan
Kesalahan berkaitan akidah	Seksyen 4. Doktrin Palsu	<p>(1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>
	Seksyen 6. Dakwaan Palsu	<p>(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam perlakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucutkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.</p> <p>6. Mana-mana orang yang;</p> <p>(a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau</p> <p>(b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia, sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.</p>
Kesalahan berkaitan dengan kesucian agama	Seksyen 7. Menghina, atau menyebabkan	<p>Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain;</p>

Islam dan institusinya	dipandang hina, dll. Agama Islam	<p>(a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;</p> <p>(b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau</p> <p>(c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>
	Seksyen 13. Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak	<p>(1) Mana-mana orang yang;</p> <p>(a) mencetak, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan, mengedarkan atau dengan apa-apa cara lain menyebarkan apa-apa buku, risalah, dokumen atau apa-apa bentuk rakaman yang mengandungi apa-apa jua yang bertentangan dengan Hukum Syarak; atau</p> <p>(b) ada dalam miliknya apa-apa buku, risalah, dokumen atau rakaman sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>
		<p>(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, risalah, dokumen atau rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, risalah, dokumen atau rakaman itu.</p>
Kesalahan Penyubahatan dan Percubaan	Seksyen 43. Penyubahatan	<p>Seseorang menyubahati perlakuan sesuatu perkara jika dia;</p> <p>(a) menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu;</p> <p>(b) mengambil bahagian bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lain dalam apa-apa pakatan jahat untuk melakukan perkara itu, jika sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku ekoran</p>

daripada pakatan jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau (c) dengan sengaja membantu, dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang, perlakuan perkara itu.

Huraian 1- Seseorang yang, dengan penyataan salah sengaja, atau penyembunyian sengaja suatu fakta material yang dia terikat mendedahkannya, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau cuba untuk menyebabkan atau mendapatkan, supaya sesuatu perkara dilakukan adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

Huraian 2- Mana-mana orang, sama ada sebelum atau pada masa perlakuan sesuatu perbuatan, melakukan apa-apa jua dengan tujuan memudahkan perlakuan perbuatan itu, dan dengan itu memudahkan perlakuan itu, adalah dikatakan membantu dalam melakukan perbuatan itu.

Statistik Kes Penguatkuasaan Berkaitan Kesalahan Akidah

Berdasarkan statistik di bawah, beberapa seksyen yang telah dikuatkuasakan di negeri ini dan menjadi fokus berhubung dengan kes-kes kesalahan akidah sekitar tahun 2010 hingga November 2021.

Jadual 2: Laporan Statistik Kesalahan Akidah di bawah seksyen Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] Bermula Tahun 2010 Sehingga November 2021

Tahun / Seksyen	Sek. 4 Doktrin Palsu	Sek. 6 Dakwaan Palsu	Sek. 7 Menghina/ Menyebabkan Dipandang Hina, dll. Agama Islam	Sek. 13 Penerbitan Agama Yang Bertentangan Dengan Hukum Syarak	Sek. 43 Penyubahatan	Jumlah
2010	0	0	0	0	3	3
2011	0	0	0	0	0	0
2012	0	0	0	1	3	4

2013	0	1	3	0	3	7
2014	2	0	2	0	6	10
2015	0	0	0	1	7	8
2016	2	3	0	0	20	25
2017	1	0	3	0	12	16
2018	0	0	0	0	0	0
2019	0	0	0	0	2	2
2020	0	0	0	0	1	1
2021	0	0	0	0	2	2
Jumlah Keseluruhan					78 KES	

(Sumber: Cawangan Rekod dan Maklumat, Bahagian Penguatkuasaan Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tahun, 2022.)

Pada peringkat siasatan, Bahagian Penguatkuasa JAWI telah menyiasat terhadap semua kes kesalahan akidah yang mendorong kepada ajaran sesat. Di samping itu, operasi tangkapan bagi mereka yang melanggar kesalahan-kesalahan akidah juga telah dijalankan. Jadual di atas menunjukkan tindakan yang telah diambil dan juga hasil siasatan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa Agama.

Laporan statistik menunjukkan seksyen yang dibuat penguatkuasaan berkaitan kesalahan akidah di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Akta 559. Di dalam laporan statistik di atas, fokus utama yang diketengahkan oleh penulis ialah kes-kes kesalahan berkaitan akidah yang telah dibuat penguatkuasaan. Akan tetapi, tidak banyak kes-kes yang telah dikuatkuasakan berhubung dengan kesalahan akidah di Wilayah Persekutuan bermula tahun 2010 sehingga 2021. Keseluruhan kes-kes kesalahan akidah sepanjang tempoh sebelas tahun ini adalah sebanyak 78 kes yang merangkumi Doktrin Palsu, Dakwaan Palsu, Menghina atau Menyebabkan dipandang hina, dll. agama Islam, Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan Penyubahatan.

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa seksyen 43 di bawah keterangan Penyubahatan adalah seksyen yang lebih mendominasi, sebanyak 75 peratus iaitu 59 kes. Hal ini menunjukkan kes berkaitan kesalahan akidah sangat berkait rapat dengan penyubahatan. Menurut Abu Zaki Abdul Jalal (2023), apabila berlaku serbuan yang dibuat oleh pegawai penguatkuasa agama melibatkan kes kesalahan akidah, maka penangkapan dibuat terhadap pihak yang menyebarkan serta pengikutnya, yang turut dikategorikan bersubahat di dalam isu kes kesalahan akidah tersebut. Tambahan pula, pemilik premis di tempat kejadian juga disoal siasat oleh pegawai penguatkuasa. Sekiranya mereka mengetahui aktiviti yang dilakukan adalah bertentangan dengan agama atau sengaja menyembunyikan sesuatu fakta bahkan pemilik premis tidak membuat sebarang aduan, mereka turut dikira bersubahat dan pihak Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) boleh mengambil tindakan dan dikira sebagai kesalahan di bawah seksyen penyubahatan. Hukumannya adalah sama seperti mana hukuman bagi kesalahan menyebarkan agama yang bertentangan walaupun seksyen kesalahan berbeza kerana ianya berdasarkan kepada kesalahan yang utama iaitu berkaitan dengan kesalahan akidah. Manakala, seksyen 13

iaitu Penerbitan Agama Yang Bertentangan Dengan Hukum Syarak merupakan jumlah yang paling rendah sebanyak 2 kes sahaja. Purata bagi penyebaran fahaman agama yang bertentangan di negeri Wilayah Persekutuan sangat sedikit berlaku kes berkaitan kesalahan akidah yang berlaku di negeri ini.

Manakala, jumlah bagi seksyen yang paling rendah sebanyak dua kes di bawah seksyen 13 iaitu Penerbitan Agama Yang Bertentangan Dengan Hukum Syarak. Antara faktor sedikitnya kes bagi seksyen ini berbanding seksyen lain ialah kerana tahun 2019 sehingga 2021 merupakan tahun bagi seluruh negara termasuk Malaysia sedang dilanda pandemik Covid-19 yang menyebabkan pergerakan terhad di peringkat penguatkuasaan. Pada tahun tersebut, kerajaan telah mengarahkan perintah berkurang bagi semua rakyat Malaysia untuk sentiasa berada di rumah masing-masing bagi mengelakkan penularan wabak tersebut. Begitu juga, bagi yang bekerja tidak dibenarkan untuk keluar mahupun pergi ke premis masing-masing selama mana tempoh kawalan pergerakan yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Abu Zaki Abdul Jalal, 2023).

Berdasarkan analisis jadual 2, seksyen yang paling dominan menunjukkan faktor masyarakat yang kurang pendedahan dan penerangan daripada Pihak Berkuasa Agama (PBA) menyebabkan masyarakat tidak mengetahui kedudukan sebenar sesuatu ajaran sesat dari segi undang-undang. Hal ini juga disebabkan masyarakat hanya sekadar menjadi pemerhati dan tidak mengambil sebarang tindakan apabila wujudnya sesuatu ajaran sesat di kawasan mereka (Farawahida Mohd Yusof, 2011). Dalam konteks di Malaysia, kerosakan akidah merupakan cabaran terbesar kepada umat Islam. Akidah merupakan sumber atau perkara pokok yang menjadi pasak kepada segala ajaran atau syariat Islam. Sekiranya keputusan pihak berautoriti agama berkaitan akidah ini dipersoalkan, maka ia merupakan petanda kepada kemusnahan bukan sahaja akidah bahkan kepada Syariah dan syiar Islam (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2023).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa kes kesalahan akidah yang dikesan berlaku di Wilayah Persekutuan. Daripada sejumlah kes yang dibuat penguatkuasaan, hanya kes-kes tertentu sahaja didapati sampai ke peringkat pendakwaan. Perkara ini boleh mencetuskan persepsi dalam kalangan masyarakat Islam terhadap kesungguhan Pihak Berkuasa Agama (PBA) dalam mengurus hal berkaitan isu penguatkuasaan bagi kesalahan akidah yang berlaku di negeri ini. Dalam menangani cabaran tersebut, pihak berkuasa yang terlibat haruslah membentuk kerjasama dalam mengekang dan membanteras ajaran sesat yang berleluasa di negeri ini. Maklumat tentang usaha-usaha itu juga wajar dikongsi kepada pengetahuan masyarakat awam. Komitmen dan tindakan dari pihak berkuasa agama Islam negeri sangat penting bagi memastikan penguatkuasaan bagi kes-kes kesalahan akidah dan kepatuhan masyarakat Islam terhadap penguatkuasaan dapat dilaksanakan dalam memastikan kemaslahatan masyarakat Islam demi menjaga akidah masyarakat Islam di Malaysia khususnya.

Rujukan

- Abu Zaki Abdul Jalal. 2023. Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan. Cawangan Siasatan, Bahagian Penguatkuasa JAWI (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan) (Temu bual, 7 Jun).
- Ahmad Hidayat Buang. 2018. Fatwa Ajaran Sesat dari Sudut Undang-Undang dan Cabaran Pembanterasannya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (INFAD)*. 2(1), 27-47.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Alias Azhar & Mohd Shaukii Muhammad Baderuddin. 2018. Prosedur Istinbat dan Pewartaan Fatwa: Ajaran Sesat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan. Penerbit: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa SeFPIA*, 86-99.
- <https://www.malaysiakini.com/news/236527,%20Bekas%20Ratu%20Cantik%20Hina%20Islam%20Bekas%20Ratu%20Cantik%20Hina%20Islam>. Capaian pada 23 Ogos 2023.
- Farawahida Mohd Yusof. 2011. *Fatwa Keberkesannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan & YL lwn. Berjaya Books Sdn. Bhd. & YL. [2015] 3 CLJ 461.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2018. Ancaman Akidah dan Implikasi Terhadap Keselamatan. *Kertas Kerja: Menyantuni Kesalahan Berkaitan Akidah dan Pemikiran berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah*. 16 Julai.
- https://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/KERTAS_KERJA_SEMINAR_2018/menyantuni_kesalahan_berkaitan_aqidah_-Datuk_Rahimin_Bani_-_KPPA_Melaka.pdf.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144052/jawi-siasat-isu-bacaan-doa-upacara-keagamaan-bukan-islam> JAWI siasat isu bacaan doa upacara keagamaan bukan Islam. Capaian pada 23 Ogos 2023.
- <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/947272/kekang-penyelewengan-akidah-islam> Kekang Penyelewengan Akidah. Capaian pada 23 Ogos 2023.
- <https://www.sinarharian.com.my/article/632225/berita/nasional/kerajaan-teliti-tutup-kelompokan-undang-undang-jenayah-syariah> Kerajaan teliti tutup kelompokan Undnag-Undangn Jenayah Syariah. Capaian pada 23 Oktober 2023.
- Ketua Pendakwa Syarie lwn. Ismelda Harfianti Lubis*. No. kes: 14300-108-0024-2016. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan [2016].
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mohd Zaidi Daud. 2022. Pemeraksanaan Akidah Ahl Sunnah Wa al-Jamaah: Ke Arah Penguatkuasaan dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa. Penerbit: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 1(1), 88-119.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Kecelaruan*. <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/ajaran-sesat-merungkai-kekusutan-dan-kecelaruan.pdf>

- M Eddin Mortada. 2013. Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan. Institusi Aminuddin Baki. <http://eprints.iab.edu.my/v2/970/1/kaedah%20penyelidikan%20dalam%20pendidikan.pdf>.
- Mohd. Hisham Mohd. Kamal. 2017. Memelihara Kemurniaan Akidah dan Amalan Muslim: Peranan dan Cabaran Institusi Mufti dalam Era Globalisasi. *KANUN*. 29(2), 38-59.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman. 2021. Unsur Khurafat dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 26:2, 144-157.
- Mohd Farid Mohd Shahrin. 2016. Ancaman Akidah dan Pemikiran di Alam Siber. Prosiding Seminar Undang-Undang Jenayah Syariah di Alam Siber.
- Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin. 2018. Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di Alam Siber. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*. 10(1), 42-62.
- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Ali. 2022. Penyelewengan Akidah dalam Akidah Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis. Penerbit: Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(2), 197-206.
- Nur Hafiza Syaqla Piara & Khazri Osman. 2022. *Cabaran Dakwah: Pengaruh Ajaran Sesat. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah*. 14-15 Julai. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Nur Hafilah Musa. 2015. Ulasan Kes: Jabatan Agama Islam Wilayah persekutuan & YL Lwn Berjaya Books Sdn. Bhd. & YL 3 CLJ 461. *KANUN*. 28(1), 170-175.
- Nur Alyani Farhana Ghazali. t.thn. *Pegangan Akidah Syiah Melayu di Malaysia*.
- Nurulain Ibrahim & Siti Aisyah Samudin. 2022. Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Syariah Law Research (JSLR)*. 7(2), 241-272.
- Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah. 2020. Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam di Media Sosial dari Perspektif Undang-Undang Syariah di Malaysia. *PERDANA: International Journal of Academic Research (Social Science & Humanities)*. 9(1), December Issue, 24-35.
- Ketua Pendakwa Syarie lwn. Hasbul Jalil bin Hasan*. No. kes: 14700-108-0076-2016. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan [2016].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. t.thn. Shamrahayu A. Aziz. Panel Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa. *Cabaran Utama Umat Islam di Malaysia*. <https://muftiwp.gov.my/ms/media-menu/penerbitan/suara-pemikir/2153-cabaran->.
- Rahimin Bani. 2018. *Menyantuni Kesalahan Berkaitan Akidah dan Pemikiran Berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah*. Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah. 16 Julai. Penerbit: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Sharifah Nor Ainnul Khairiyah & Syed Abdul Rahman & Mohd Al Adib Samuri. T.thn. *Fatwa Sebagai Mekanisme Mengawal Ajaran Syiah: Satu Tinjauan Literatur*.
- Siti Razmah Idris. 2016. *Diayah di Alam Siber: Ancaman kepada Kesejahteraan Gaya Hidup Muslim*. Prosiding Seminar Undang-Undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

- Siti Zubaidah Islami. 2010. Menangani Ajaran Sesat di kalangan umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*. 18(2), 247-276.
- Sybrene Mohd. 2022. Hasil dapatan maklumat kes dari Pegawai Operasi Bahagian Penguatkuasa JAWI (Temubual, 21 Disember)
- Zaini Nasohah, Zurul Iman Zakaria & Zuliza Mohd Kusrin. 2022. Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. 22: December, 146-159.
- Zanariah Dimon. 2020. Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*. 2(1), 116-129.